

SIARAN MEDIA

POLYCCSKILLS PEMANGKIN KECEMERLANGAN BAKAT DAN KEMAHIRAN PELAJAR TVET

6 OGOS 2026, SHAH ALAM – Pertandingan Kemahiran Pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCCSkills) merupakan sebuah platform yang menjadi **medan untuk menguji kompetensi sebenar para pelajar berdasarkan standard industri** dan menyemai budaya kecemerlangan yang mendorong setiap individu untuk sentiasa berusaha mencapai prestasi terbaik serta mempelajari amalan kerja profesional yang selaras dengan keperluan industri.

Pengalaman ini mendidik pelajar dalam membuat persediaan terbaik bagi melahirkan **graduan yang mampu bersaing dalam pertandingan kemahiran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.**

Nilai-nilai ini amat penting dalam **membentuk graduan TVET yang kompeten, berdaya saing, berintegriti dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara** serta memberi peluang kepada pelajar membina keyakinan diri, meningkatkan daya tahan mental, mengurus tekanan dalam situasi pertandingan serta menyemai budaya penambahbaikan berterusan.

POLYCCSkills merupakan antara inisiatif strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam memperkukuh agenda pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Penganjuran pertandingan ini mencerminkan komitmen berterusan JPPKK dalam melahirkan graduan TVET yang bukan sahaja memenuhi keperluan industri semasa, malah berupaya menjadi pencipta peluang pekerjaan, usahawan berdaya saing serta penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Usaha ini selaras dengan komitmen JPPKK dalam menterjemahkan **13 ILTIZAM Ketua Pengarah JPPKK** antaranya;

- i. Melahirkan graduan JPPKK yang kompeten, berkeyakinan serta memiliki nilai tambah dan kelebihan daya saing yang tinggi untuk

memenuhi keperluan industri selaras dengan **Itizam 12: Gaji Bermaruah dan Bekerja Dalam Bidang.**

- ii. JPPKK sentiasa komited membangunkan potensi pelajar secara menyeluruh selaras dengan memastikan setiap pelajar diberi peluang untuk berkembang mengikut bakat dan potensi masing-masing, bertepatan dengan **Itizam 8: Tiada Pelajar Tercicir.**
- iii. Bagi melahirkan graduan yang holistik, berintegriti, berdaya saing serta mampu menjadi pemimpin masa hadapan yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi, kemajuan industri dan kemakmuran negara seperti yang dinyatakan pada **Itizam 12: Gaji Bermaruah dan Bekerja Dalam Bidang.**

POLYCCSkills tahun ini diterajui oleh **Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) dan Bahagian Kurikulum (BK), JPPKK** dengan **kerjasama 11 institusi** iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) sebagai pengelola utama dan pengelola bersama iaitu;

- i. Politeknik Port Dickson
- ii. Politeknik Banting
- iii. Politeknik Nilai
- iv. Politeknik METrO Kuala Lumpur
- v. Kolej Komuniti Kuala Langat
- vi. Kolej Komuniti Hulu Langat
- vii. Kolej Komuniti Selayang
- viii. Kolej Komuniti Shah Alam
- ix. Kolej Komuniti Rembau
- x. Kolej Komuniti Bandar Baharu

Sebanyak **27 bidang kemahiran berjaya dipertandingkan** dengan **penyertaan seramai 349 orang pelajar** politeknik dan kolej komuniti yang berbakat tinggi.

Terdapat tiga (3) anugerah utama yang dipertandingan pada POLYCCSkills 2026 iaitu **Anugerah Minda Emas** yang merupakan anugerah utama kepada peserta bagi bidang di bawah sektor teknologi. Manakala, **Anugerah Jari Emas** merupakan anugerah utama kepada peserta bagi bidang di bawah sektor sains sosial dan perkhidmatan. Seterusnya, anugerah utama bagi bidang di bawah sektor kejuruteraan adalah **Anugerah Tangan Emas**.

Anugerah Minda Emas dianugerahkan kepada;

Irfan Haiqal bin Azmira dari Kolej Komuniti Ampang dengan bidang *Web Technology*.

Anugerah Jari Emas dianugerahkan kepada;

Nur Aishah Athirah binti Sulahudin dari Politeknik Balik Pulau dengan bidang *Graphic Design Technology*.

Manakala, bagi **Anugerah Tangan Emas** dianugerahkan kepada;

Mohammad Zuhairul Naim bin Abdullah dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah dengan Bidang Kategori *Additive Manufacturing*.

Majlis Perasmian Penutup POLYCCSkills 2026 dirasmikan oleh Pengarah Kanan (Akademik) JPPKK, YBr. Dr. Haji Mohd Daud bin Isa dengan diiringi oleh Pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan (BGK) JPPKK, YBr. Ts. Mohd Zulkefli bin Ibrahim; Pengarah BAPP JPPKK, YBr. Tuan Haji Azirin bin Abdul Aziz; Pengarah BK JPPKK, YBr. Puan Hilmun binti Mohamed; dan Timbalan Pengarah Akademik PSA, YBr. Ts. Dr. Ahmad Aftas bin Azman. Turut hadir bersama-sama Ahli Pengurusan PSA, Pengarah-pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti dan rakan kolaborasi PSA.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kplej Komuniiti
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03 - 5163 4000 samb. 1104 atau 016 – 2029151. Terima kasih.



LEMBARAN FAKTA

FACT SHEET

PERTANDINGAN KEMAHIRAN PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (POLYCCSKILLS) 2026

6 OGOS 2026 | SHAH ALAM

Pengenalan POLYCCSkills

POLYCCSkills merupakan satu penjenamaan yang menjadi simbol transformasi latihan kemahiran pelajar bagi melambangkan jangkauan kemahiran ke aras paling cemerlang hasil daripada aspirasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan keperluan pembangunan negara.

Aktiviti POLYCCSkills meliputi latihan, platform perkongsian ilmu serta pengendalian pertandingan kemahiran di peringkat nasional dan antarabangsa yang mana penganjurannya adalah untuk memupuk usaha bagi menarik minat para pelajar agar lebih berkeyakinan dan menghargai bidang kemahiran.

Pertandingan POLYCCSkills dianjurkan adalah untuk memilih wakil pelajar politeknik dan kolej komuniti yang berpotensi untuk mewakili POLYCC Malaysia ke World Skills Malaysia Belia (WSMB), ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC).

ANJURAN

Program ini merupakan program anjuran Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) dan Bahagian Kurikulum (BK) JPPKK.

Berikut merupakan institusi pengelola bersama bagi tahun 2026:

1. Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)
2. Politeknik Port Dickson
3. Politeknik Banting
4. Politeknik Nilai
5. Politeknik METrO Kuala Lumpur

6. Kolej Komuniti Kuala Langat
7. Kolej Komuniti Hulu Langat
8. Kolej Komuniti Selayang
9. Kolej Komuniti Shah Alam
10. Kolej Komuniti Rembau
11. Kolej Komuniti Bandar Baharu

27 BIDANG YANG DIPERTANDINGKAN

- 1 Restaurant Service
- 2 Cooking
- 3 Patisserie And Confectionery
- 4 Bakery
- 5 Fashion Technology
- 6 High Rope
- 7 IT Network Systems Administration
- 8 IT Software Solutions for Business
- 9 Web Technologies
- 10 Collaborative Robot (COBOT)
- 11 3D Animation
- 12 3D Digital Game Art
- 13 Graphic Design Technology
- 14 Freight Forwarding
- 15 Chemical Laboratory Technology
- 16 Industry 4.0
- 17 Geomatic
- 18 Additive Manufacturing
- 19 Digital Construction
- 20 Software Testing
- 21 Aircraft Sheet Metal
- 22 Mechanical Engineering CAD
- 23 Welding
- 24 Landscape Gardening
- 25 Mechatronics
- 26 Refrigeration and Air Conditioning
- 27 Automobile Technology

SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN**PENYAMPAIAN ANUGERAH UTAMA****ANUGERAH MINDA EMAS****KK AMPANG****IRFAN HAIQAL BIN
AZMIRA****71127140763****WEB
TECHNOLOGIES****ANUGERAH JARI EMAS****POLITEKNIK
BALIK
PULAU****NUR AISHAH ATHIRAH
BINTI SULAHUDIN****70214020706****GRAPHIC DESIGN
TECHNOLOGY****ANUGERAH TANGAN EMAS****POLITEKNIK
TUANKU
SULTANAH
BAHIYAH****MOHAMMAD
ZUHAIRUL NAIM BIN
ABDULLAH****70731140087****ADDITIVE
MANUFACTURING****-TAMAT-**

**Unit Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kplej Komuniiti
Kementerian Pendidikan Tinggi**

Untuk maklumat lanjut berhubung siaran media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat di talian 03 - 5163 4000 samb. 1104 atau 016 – 2029151. Terima kasih.